



PELAN OPERASI LATIHAN (POL) TAHUN 2018

(Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2005)

**JABATAN
PENGAIIRAN DAN SALIRAN
MALAYSIA**

PELAN OPERASI LATIHAN TAHUN 2018

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1.0 LATAR BELAKANG

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 telah menerangkan dengan jelas akan keperluan pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) untuk semua pegawai Perkhidmatan Awam. DLSMSA menetapkan bahawa setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri dan dilengkapkan dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Lanjutan itu, Pelan Operasi Latihan (POL) Tahun 2018 bagi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dirangka dengan mengambil pendekatan Pengurusan Sumber Manusia Berasaskan Kompetensi (Competency Based Human Resources Management – CBHRM) dengan tujuan membangunkan kompetensi yang bersesuaian di kalangan warga kerja JPS bagi penyampaian perkhidmatan yang tinggi melalui kursus/ latihan dengan penetapan kehadiran sekurang-kurangnya empat (4) hari setahun.

POL 2018 JPS dirangka selaras dengan keperluan bidang utama JPS iaitu:-

- a. Sektor Bisnes
 - i) Pengurusan Lembangan Sungai
 - ii) Pengurusan Zon Pantai
 - iii) Projek Khas
 - iv) Saliran Mesra Alam
 - v) Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi
 - vi) Pengurusan Banjir

- b. Sektor Pakar
 - i) Rekabentuk dan Empangan
 - ii) HTC Kuala Lumpur
 - iii) Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal
 - iv) Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak
 - v) Bangunan dan Infrastruktur

- c. Sektor Pengurusan
 - i) Khidmat Pengurusan
 - ii) Pengurusan Maklumat
 - iii) Pembangunan Modal Insan
 - iv) Korporat
 - v) Audit Prestasi
 - vi) Pengurusan Fasiliti & GIS

2.0 VISI JABATAN

Peneraju Perkhidmatan Kepakaran Kejuruteraan dan Pengurusan Sumber Air Negara.

3.0 MISI JABATAN

Menyediakan perkhidmatan kepakaran kejuruteraan dan pengurusan sumber air merangkumi pengurusan lembangan sungai, zon pantai serta pengurusan banjir dan kemarau secara bersepadu bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan memastikan sekuriti air dan kelestarian alam sekitar.

4.0 OBJEKTIF JABATAN

Menyediakan perkhidmatan kejuruteraan yang di luar kemampuan sesuatu kumpulan sasar dan seterusnya memastikan penggunaan tanah yang optimum dan pengurusan air negara yang cekap.

5.0 FUNGSI JABATAN

Menyediakan perkhidmatan profesional dan berkualiti dalam perancangan, rekabentuk dan pelaksanaan program-program pengurusan banjir, lembangan sungai, zon pantai, saliran mesra alam serta sumber air dan hidrologi. Perkhidmatan kami akan berdasarkan amalan kejuruteraan terbaik dengan mengambil kira kelestarian alam sekitar, ekonomi dan sosial.

6.0 OBJEKTIF LATIHAN

Program latihan JPS dibangunkan bertujuan untuk mencapai objektif Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPS Malaysia iaitu melahirkan warga yang kompeten melalui latihan yang sistematik dan berkesan.

7.0 STRATEGI LATIHAN

7.1 SIGNIFIKAN PERANCANGAN LATIHAN DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan serta bersesuaian dengan kamus kompetensi Jabatan, program latihan yang akan dianjurkan adalah meliputi beberapa kategori latihan seperti berikut :-

- i) Fungsian
- ii) Generik
- iii) Tingkahlaku
- iv) ICT
- v) Teknikal Generik
- vi) Teknikal

Pelaksanaan latihan fungsian, ICT, teknikal generik dan teknikal menjurus kepada *core business* JPS serta Bahagian-bahagian manakala pelaksanaan kursus generik dan tingkahlaku menjurus

kepada jenis kompetensi bagi tujuan pembangunan nilai-nilai murni, semangat kerja berpasukan, semangat motivasi dan program-program yang dapat membantu *job-enrichment*, *job-enhancement* serta *multitasking*.

7.2 KEPENTINGAN LATIHAN

Program latihan JPS dibangunkan bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut iaitu:-

- i. **PEMBENTUKAN SIKAP** dengan melahirkan warga kerja yang mempunyai nilai-nilai murni dan sikap-sikap positif dalam melaksanakan tugas;
- ii. **PENINGKATAN PENGETAHUAN** dengan menyediakan anggota yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan yang diperlukan dalam menjalankan tugas bagi mencapai objektif organisasi;
- iii. **PENINGKATAN KEMAHIRAN** dengan melahirkan pekerja yang berkebolehan, berkemahiran dalam mencapai hasil kerja yang bermutu, berkualiti tinggi bagi meningkatkan produktiviti dan prestasi organisasi;
- iv. **MEWUJUDKAN NILAI CIPTA** (*value creation*) dan **NILAI TAMBAH** (*value added*); dan
- v. Menyediakan **HALA TUJU KEMAJUAN KERJAYA**

7.3 VISI LATIHAN

Untuk menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan Terunggul di Sektor Awam

7.4 MISI LATIHAN

Memantapkan kompetensi warga kerja jabatan ke tahap cemerlang

7.5 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran yang ditetapkan mengikut kategori berikut :-

- i. Gred 1 – 16 (Kumpulan Sokongan 2);
- ii. Gred 1 – 29;
- iii. Gred 29 ke atas;
- iv. Gred 29 – 44;
- v. Gred 36 ke atas;
- vi. Gred 41 – 52;
- vii. Gred 41 ke atas; dan
- viii. Terbuka

7.6 KATEGORI PROGRAM LATIHAN

- i. Kursus Berjadual – Anjuran Jabatan Agensi Luar/ Swasta;
- ii. Kursus/Latihan Luar Jadual – Anjuran Jabatan/ Agensi Luar/ Swasta;
- iii. Kursus/Latihan Luar Negara

7.7 KAEDAH PENYAMPAIAN

Antara kaedah penyampaian latihan yang ditetapkan adalah seperti berikut :-


Bil	Jenis Latihan	Kaedah Latihan
1.	Latihan Peningkatan Pengetahuan	<i>Kuliah, Ceramah, Seminar, Symposium, Audio-visual, Persidangan</i>
2.	Latihan Peningkatan Kemahiran	<i>On Job Training, Work Attachment, Role Play, Tunjuk Cara, Lawatan Tapak</i>
3.	Latihan Pembentukan Sikap	<i>Sensitivity Training, Team Building, Management Games</i>

8.0 PELAKSANAAN LATIHAN

a. Analisa Keperluan Latihan (TNA)

Bagi mengenalpasti keperluan latihan bagi kakitangan JPS Malaysia iaitu kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan, bengkel analisa keperluan latihan telah dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) JPS Malaysia dengan kerjasama Bahagian-bahagian yang merupakan fungsi utama JPS.

Proses-proses yang terlibat untuk bengkel ini adalah seperti berikut:-



Kajian ini adalah sebahagian dari kaedah pengurusan latihan BPMI dan ia dilaksanakan mengikut keperluan dan keupayaan.

b. Pelaksanaan Latihan

Pelaksanaan Program Latihan di JPS Malaysia mengambilkira beberapa perkara seperti berikut :-

i) Pengenapastian Peserta dan Penceramah Program

Penganjur program perlu mengenalpasti penceramah dan peserta bagi tujuan latihan berkenaan. Dokumen tuntutan bayaran penceramah (sekiranya melibatkan bayaran penceramah) perlu dikemukakan kepada BPMI sebelum 10 hari bulan setiap bulan.

ii) Pelantikan Penceramah Swasta/ Bebas

Pelantikan penceramah swasta/ bebas perlu dikemukakan kepada BPMI dengan menyertakan dokumen lengkap **sekurang-kurangnya lima (5) hari** sebelum program bermula bagi tujuan permohonan Pesanan Tempatan ke Bahagian Kewangan.

c. Penilaian Program Latihan

Penilaian akan dilaksanakan ke atas semua Program Latihan sama ada anjuran BPMI, Bahagian ataupun kursus-kursus anjuran agensi luar yang dihadiri oleh peserta bagi tujuan penambahbaikan Program Latihan dan melihat keberkesanan program tersebut. Laporan tersebut hendaklah direkodkan dan disimpan bagi tujuan pengauditan seperti berikut :-

i) Borang BPMI-BPPK Penilaian Pengurusan Kursus (Peserta Kursus)

Menggunakan format BPMI-BPPK (**LAMPIRAN A1 hingga LAMPIRAN A3**) sebaik sahaja tamat kursus dan Laporan Penilaian Kursus tersebut hendaklah dikemukakan oleh

Penyelaras Kursus di institut berkaitan kepada BPMI **selewat-lewatnya empat belas hari (14) hari** selepas tamat kursus.

ii) **Borang BPMI-BPKK : Penilaian Keberkesanan Kursus**

Menggunakan format **BPMI-BPKK (LAMPIRAN B)** selepas **enam puluh (60) hari kursus** bagi tujuan menilai impak kursus kepada peserta. Penilaian akan dilaksanakan oleh peserta dan juga penyelia.

iii) **Borang BPMI-BPTP : Penilaian Tenaga Pengajar**

Menggunakan format **BPMI-BPTP (LAMPIRAN C1 dan LAMPIRAN C2)** sebaik sahaja tamat kursus dan Laporan Penilaian Kursus tersebut hendaklah dikemukakan oleh Penyelaras Kursus di institut berkaitan kepada BPMI **selewat-lewatnya empat belas hari (14) hari** selepas tamat kursus.

LAMPIRAN A1

 BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BPMI-BPPK	PROSEDUR KUALITI	NO. KELUARAN : 5 NO. PINDAAN : 0 TARikh KUATKUASA : 01/12/2015 MUKA SURAT : 1 drp. iii
BORANG PENILAIAN PENGURUSAN KURSUS		

NAMA KURSUS :

TARIKH KURSUS: Dari

--	--	--	--

Hari Bulan Tahun

Hingga

--	--	--	--

Hari Bulan Tahun

IPMI

: ZON TENGAH

ZON TIMUR

ZON UTARA


OBJEKTIF KURSUS :

.....

.....

PENILAIAN PENGURUSAN KURSUS

Dengan berpandukan skala di bawah, isikan nombor yang bersesuaian ke dalam kotak *Pencapaian Objektif*.



1.0 Sejauh manakah tuan/puan fikir objektif kursus ini dicapai?

Pencapaian Objektif Kursus secara keseluruhan

Sekiranya tuan/puan telah menilai yang objektif kursus kurang tercapai, sila nyatakan sebab-sebabnya:-

.....
.....

2.0 Pengetahuan sebelum dan selepas kursus:

Sila nyatakan peratus (%) tahap pengetahuan tuan/puan sebelum dan selepas kursus:


		% Sebelum Kursus	% Selepas Kursus
a.	Pengetahuan yang berkaitan dengan kursus ini		
b.	Kemahiran menyelesaikan masalah berkaitan dengan isi kandungan kursus.		

LAMPIRAN A2

 BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BPMI-BPPK	PROSEDUR KUALITI BORANG PENILAIAN PENGURUSAN KURSUS	NO. KELUARAN : 5 NO. PINDAAN : 0 TARIKH KUATKUASA : 01/12/2015 MUKA SURAT : ii drp. iii
--	--	--

3.0 Isi Kandungan, Teknik Latihan dan Pengurusan Kursus.

Dengan berpandukan skala di bawah, isikan ke dalam kotak dengan nombor yang bersesuaian atau tandakan X di kotak jika tidak berkaitan :



3.1 Isi kandungan Kursus

- | | | |
|------------------------------------|----------------------|--------------|
| i. Kesesuaian pemilihan tajuk | <input type="text"/> | Ulasan |
| ii. Persambungan tajuk-tajuk | <input type="text"/> | |
| iii. Penekanan kepada teori | <input type="text"/> | |
| iv. Penekanan kepada latihan | <input type="text"/> | |

3.2 Teknik Latihan

- | | | |
|-------------------------------------|----------------------|-------|
| i. Syarahan/Ceramah | <input type="text"/> | |
| ii. Latihan | <input type="text"/> | |
| iii. Lawatan | <input type="text"/> | |
| iv. Lain-lain (sila nyatakan) | <input type="text"/> | |

3.3 Pengurusan Kursus

- | | | |
|--------------------------|----------------------|-------|
| i. Tempoh kursus | <input type="text"/> | |
| ii. Kemudahan-kemudahan: | | |
| a. Nota syarahan | <input type="text"/> | |
| b. Penginapan | <input type="text"/> | |
| c. Makanan | <input type="text"/> | |
| d. Lain-lain | <input type="text"/> | |
- Nyatakan
-

LAMPIRAN A3

 BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN	PROSEDUR KUALITI	NO. KELUARAN : 5
BPMI-BPPK	BORANG PENILAIAN PENGURUSAN KURSUS	NO. PINDAAN : 0
		TARIKH KUATKUASA : 01/12/2015
		MUKA SURAT : iii drp. iii

4.0 Apakah kekuatan kursus ini pada keseluruhannya?

.....
.....

5.0 Apakah kelemahan kursus ini pada keseluruhannya?

.....
.....

6.0 Apakah cadangan tuan/puan untuk memperbaiki kursus ini?

.....
.....

7.0 Subjek dicadangkan untuk penambahbaikan

.....
.....

8.0 Subjek yang dicadangkan untuk dikeluarkan

.....
.....

9.0 Nyatakan Kemudahan / Peralatan Asrama yang perlu diambil perhatian oleh Pihak Pengurusan (sekiranya ada).

.....
.....

LAMPIRAN B

 BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN	PROSEDUR KUALITI	NO. KELUARAN : 5 NO. PINDAAN : 0
BPMI-BPKK	BORANG PENILAIAN KEBERKESANAN KURSUS	TARikh KUATKUASA : 01/12/2015 MUKA SURAT : 1 dip. i

BAHAGIAN I :

Nama Peserta : _____
 Tajuk Kursus : _____
 Tarikh Kursus : _____
 Objektif Kursus : _____

Bil	Perkara	Ya	Tidak
1.	Kursus yang dihadiri menepati objektif kursus?		
2.	Pengetahuan anda telah meningkat kerana menghadiri kursus ini?		
3.	Kursus ini membantu tingkatkan sikap anda?		
4.	Adakah kursus ini telah meningkatkan kemahiran anda?		
5.	Anda akan mencadangkan kursus ini dihadiri rakan sejawat anda?		
6.	Potensi pengetahuan yang saya perolehi digunakan di dalam kerja harian saya.		
7.	Peratus peningkatan kompetensi yang telah anda capai melalui kursus ini		%

Tandatangan Peserta Kursus :

Tarikh :

BAHAGIAN II: ANALISA PEGAWAI ATASAN

- Pengetahuan, sikap dan kemahiran dapat diaplikasikan dalam tugas harian.
- Kompetensi kakitangan telah meningkat.
- Kursus mendatangkan faedah.
- Keberkesanan kursus belum/sukar dinilai

Ulasan lain, jika ada :

Tandatangan Pegawai Atasan :

Tarikh :

Nama :

Jawatan :

LAMPIRAN C1

 BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN	PROSEDUR KUALITI	NO. KELUARAN : 5
BPMI-BPTP	BORANG PENILAIAN TENAGA PENGAJAR	NO. PINDAAN : 0
		TARIKH KUATKUASA : 01/12/2015
		MUKA SURAT : i drp. ii

NAMA KURSUS:

TARIKH MASUK:

--	--	--	--	--	--

Hari Bulan TahunTARIKH KELUAR:

--	--	--	--	--	--


Hari Bulan TahunIPMI : ZON TENGAH ZON TIMUR ZON UTARA**OBJEKTIF KURSUS:**

- i.
- ii.
- iii.

PENILAIAN TENAGA PENGAJAR

Untuk Syarahan, Latihan dan Lawatan

Berbandarkan skala di bawah, isikan kotak-kotak dengan nombor-nombor yang bersesuaian di muka surat sebelah. Gunakan nombor X jika tidak berkaitan.



LAMPIRAN C2

 BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN	PROSEDUR KUALITI BORANG PENILAIAN TENAGA PENGAJAR	NO. KELUARAN : 5
		NO. PINDAAN : 0
		TARIKH KUATKUASA : 01/12/2015

MUKA SURAT : ii drp. ii

Bil.	Tajuk/Tenaga Pengajar	Kandungan Syarahan	Cara Persembahan	Lain-lain Ulasan
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				

Catatan :

d. Pemantauan Latihan

Pemantauan pelaksanaan program latihan dilaksanakan menerusi kaedah seperti berikut:-

i) Mesyuarat Sektor Pengurusan Peringkat Atasan

Pemantauan latihan akan dilaporkan melalui Mesyuarat Sektor Pengurusan Peringkat Atasan di peringkat Jabatan/Kementerian.

ii) Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan (JKPMI)

JKPMI merupakan jawatankuasa tertinggi di peringkat JPS dalam pemantauan dan pelaksanaan Program Latihan Jabatan. Jawatankuasa ini akan bersidang tiga (3) kali setiap tahun bagi meluluskan perancangan program latihan tahun semasa dan memantau keberkesanan Program Latihan Jabatan.

Mesyuarat JKPMI bersama pegawai Pembangunan Sumber Manusia JPS Bahagian/ Negeri/ Projek juga bagi memantau prestasi latihan **empat (4) hari** warga kerja JPS sebagaimana yang telah diputuskan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Latihan (JKDL) Peringkat NRE 2017** dan prestasi pelaksanaan program latihan JPS.

iii) Laporan Prestasi Perbelanjaan dan Pelaksanaan Kursus

Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI), juga turut menjalankan pemantauan ke atas prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan kursus Jabatan. Laporan tersebut perlu dikemukakan kepada BPMI sebelum **5 hari bulan** bagi bulan berikutnya untuk tujuan pemantauan perbelanjaan dan prestasi latihan mengikut jadual yang telah diluluskan dalam JKPMI.

iv) **Peranan dan Tanggungjawab**

1. **Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI)**

Peranan Bahagian Pembangunan Modal Insan dalam POL Tahunan 2018 dalam perkara seperti berikut:-

- i) Memastikan peruntukan untuk tujuan latihan tahunan JPS disediakan **sekurang-kurangnya 1%** daripada peruntukan emolumen Kementerian;
- ii) Merancang dan melaksanakan kursus wajib perkhidmatan seperti Program Transformasi Minda dan program-program lain yang berkaitan;
- iii) Melaksanakan Analisa Keperluan Latihan (*Training Need Analysis* - TNA) bagi mengenalpasti keperluan latihan warga kerja JPS sebelum Jadual Latihan Tahunan disediakan;
- iv) Menyelaras dan menguruskan permohonan/ pencalonan pegawai dan kakitangan Jabatan untuk mengikuti latihan anjuran Institusi Latihan Awam lain/ Badan Berkanun/ Swasta;
- v) Menyelaras dan menguruskan kelulusan semua permohonan/ pencalonan pegawai bagi mengikuti kursus luar negara;
- vi) Memastikan semua kursus-kursus yang telah dirancang di bawah POL Jabatan dilaksanakan sepenuhnya mengikut Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan dan lain-lain Pekeliling yang berkaitan;

- vii) Menyelaras dan menguruskan permohonan/ pencalonan pegawai dan kakitangan Jabatan untuk mengikuti kursus jangka pendek/ jangka sederhana/ jangka panjang samada di dalam atau di luar negara anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
- viii) Memastikan semua warga kerja JPS mematuhi syarat **sekurang-kurangnya empat (4) hari** berkursus/ latihan;
- ix) Membuat Penilaian Keberkesanan Kursus bagi program-program yang dianjurkan.

2. Peranan Pengarah Bahagian/ Negeri/ Projek

Ketua-ketua Bahagian adalah bertanggungjawab ke atas POL dalam perkara-perkara berikut:-

- i) Merancang kursus-kursus fungsian yang bersesuaian yang memberi penekanan bagi meningkatkan Kompetensi Khusus yang berkaitan dengan Bahagian masing-masing;
- ii) Mengurus dan melaksanakan program-program fungsian yang telah dirancang;
- iii) Memastikan segala perancangan program latihan Bahagian masing-masing dilaksanakan sebagaimana yang dirancang dan ditetapkan di dalam Jadual Latihan Tahunan;
- iv) Memastikan Penyelaras Sumber Manusia Bahagian masing-masing melaksanakan penilaian ke atas keberkesanan program latihan Bahagian bagi menentukan kursus yang diikuti oleh pegawai boleh

- membantu mencapai matlamat Jabatan dan Bahagian;
- v) Memastikan pegawai dan kakitangan di Jabatan dan Bahagian masing-masing mengikuti **sekurang-kurangnya empat (4) hari** berkursus setahun berdasarkan takrif latihan; dan
 - vi) Memastikan Penyelaras Sumber Manusia Bahagian dan Jabatan menyediakan dan mengemukakan Laporan Pelaksanaan Kursus kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) bagi tujuan rekod dan penyediaan Laporan Prestasi Latihan Tahunan kepada Kementerian.

3. Tanggungjawab Individu

Setiap kakitangan awam adalah bertanggungjawab ke atas POL Tahunan dalam perkara-perkara berikut:-

- i) Mengikuti dan menghadiri kursus yang diluluskan atau ditetapkan dengan penuh komitmen dan jayanya. Peserta yang telah dicalonkan tetapi gagal menghadiri kursus dikehendaki memberikan surat tunjuk sebab dan mendapatkan calon pengganti;
- ii) Mengemaskini maklumat dalam sistem NRE*Log Latihan masing-masing dan mengemukakan kepada Urusetia Latihan/ Unit Pentadbiran di Jabatan/ Bahagian masing-masing bagi tujuan menyediakan Laporan Kursus kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan;

- iii) Mengambil inisiatif sendiri untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan mencari peluang-peluang latihan yang disediakan oleh Institusi Latihan Awam seperti INTAN/ Agensi Kerajaan Lain dan sebagainya; dan
- iv) Mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui kursus ke dalam tugas harian dan berkongsi ilmu pengetahuan yang diperoleh bersama rakan sekerja.

4. Pelantikan Penyelaras Latihan JPS Bahagian/ Negeri/ Projek PPSM yang dilantik di setiap JPS Bahagian/ Negeri bertanggungjawab dalam pelaksanaan program latihan Bahagian, selain mengemukakan maklumbalas dan mengemaskini rekod serta Laporan Pelaksanaan Kursus termasuk kehadiran berkursus **empat (4) hari** di Bahagian/ Negeri/ Projek masing-masing.

9.0 PERANCANGAN LATIHAN

Perancangan latihan untuk kursus berjadual tahun 2018 akan merangkumi program-program seperti dinyatakan di para 7.1 sebagaimana di **LAMPIRAN D**.

10.0 BAJET LATIHAN

Bagi tahun 2018, **peruntukan emolumen** JPS Malaysia ialah sebanyak **RM76,313,200.00**. Sejumlah **RM763,132.00** telah diperuntukkan bagi **tujuan latihan** iaitu bersamaan dengan **1%**.

11.0 KESIMPULAN

Hasil POL ini juga diharap dapat melahirkan pekerja yang mahir dan terlatih dalam berbagai bidang di samping meningkatkan kecekapan prestasi dan produktiviti organisasi.

12.0 PENUTUP

Pelan Operasi Latihan (POL) 2018 ini telah disediakan bagi memberikan panduan serta penerangan secara menyeluruh dan tersusun mengenai program latihan yang telah dirancang pada tahun 2018. Ia juga telah mengambilkira keperluan latihan bagi semua warga kerja JPS dalam Pemantapan Pembangunan dan Pengurusan Organisasi. Menerusi POL ini, diharap ia dapat dijadikan panduan pelaksanaan program latihan di JPS di samping memberi manfaat kepada semua warga kerja JPS bagi mencapai objektif dalam menambah kemahiran dan pengetahuan ketika mana menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

**Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
Januari 2018**

Lampiran D

PERANCANGAN LATIHAN TAHUN 2018
KEMENTERIAN/JABATAN: JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

KURSUS YANG DIJURUKAN

EMOLUMEN TAHUN 2018: RM76,313,200.00 (anggaran)

Kategori Latihan:		Sumber Peruntukan:		Struktur Latihan:
G - Generik F - Fungsional		1. Belanja Mengurus 2. Belanja Pembangunan 3. Akaun Amanah		P - Pra-Penempatan A - Asas T - Pertengahan L - Lanjutan R - Peralihan

Bil	Bahagian/ Negeri	Tajuk Kursus	Tarikh/ Tempat	Anggaran Bajet	Sumber Peruntukan	Kumpulan Sasaran/ Bilangan (orang)	Kategori Latihan	Struktur Latihan
1	BPM	Kursus Internet dan Email	8/5/2018 – 9/5/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 1 – 29/ (30 Orang)	ICT	ASAS
2	BAP	Kursus Juruaudit Dalaman ISO EMS 14001:2015	13/3/2018 – 14/3/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	FUNGSIONAL	ASAS
3	BPMI	Paradigma Baru Dalam Perkhidmatan Awam	24/4/2018 – 26/4/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 – 44/ (30 Orang)	GENERIK	ASAS
4	BPMI	Pengurusan Strategik Dalam Organisasi - Strategic Management in Organization	20/3/2018 – 22/3/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 41 KE ATAS/ (30 Orang)	GENERIK	ASAS
5	BKP/BUBPK	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan Dan Pengurusan Kewangan	13/3/2018 – 15/3/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	FUNGSIONAL	ASAS
6	BPME	Pengenalan Kepada Sistem dan Komponen Kenderaan	10/7/2018 – 12/7/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 1 - 16 (SOKONGAN II)/ (30 Orang)	TEKNIKAL	ASAS
7	BKOR	Pengurusan Kewangan Projek Pembangunan	8/5/2018 – 10/5/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 36 KE ATAS/ (30 Orang)	FUNGSIONAL	ASAS
8	BPMI	Kursus Keterampilan, Kecergasan Dan Kesihatan	8/5/2018 – 10/5/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	TERBUKA/ (30 Orang)	TINGKAHLAKU	ASAS
9	BFG	Kursus Pengambilan Balik Tanah & Perizaban	13/3/2018 – 15/3/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL GENERIK	ASAS
10	BUBPK/BPK	Kursus Asas Pengurusan Kontrak dan Penyeliaan Pembinaan	3/7/2018 – 5/7/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL GENERIK	ASAS
11	BFG	Kursus Asas ARCGIS Desktop	7/8/2018 – 9/8/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	TERBUKA/ (30 Orang)	TEKNIKAL GENERIK	ASAS
12	BPMI	Kursus Asas AutoCAD	17/4/2018 – 19/4/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL GENERIK	ASAS
13	BPMI	Kursus Asas Ukur Kejuruteraan dan Pengiraan Jadual FEE Ukur Kejuruteraan	8/5/2018 – 10/5/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL GENERIK	ASAS
14	BPK	PMBOK & Work Breakdown Structure	9/4/2018 – 12/4/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 41 – 52/ (30 Orang)	TEKNIKAL GENERIK	PERTENGAHAN
15	BUBPK	Amalan Terbaik Pengurusan Pra Kontrak	3/4/2018 – 4/4/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL GENERIK	ASAS
16	BPLS	Kursus Pengurusan Pembangunan Koridor Sungai	17/4/2018 – 19/4/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL	ASAS
17	BPB/BPLS/ BPSAH	Kursus Asas Perancangan Dan Rekabentuk Projek Tebalan Banjir	7/8/2018 – 9/8/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL	ASAS
18	BRE	Kursus Asas Geoteknik	9/4/2018 – 12/4/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL	ASAS

Lampiran D

PERANCANGAN LATIHAN TAHUN 2018
KEMENTERIAN/JABATAN: JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

KURSUS YANG DIANJURKAN

EMOLUMEN TAHUN 2018: RM76,313,200.00 (anggaran)

Bil	Bahagian/ Negeri	Tajuk Kursus	Tarikh/ Tempat	Anggaran Bajet	Kategori Latihan:	Sumber Peruntukan:	Struktur Latihan
					G - Generik F - Fungsional	1. Belanja Mengurus 2. Belanja Pembangunan 3. Akaun Amanah	
19	BPSP	Kursus Pengurusan Sistem Pengairan	20/2/2018 – 22/2/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL ASAS
20	BPZP	Kursus Pengurusan Pembangunan Di Dalam Zon Pantai	7/8/2018 – 9/8/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 41 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL PERTENGAHAN
21	BRE	Kursus Keselamatan Empangan	8/5/2018 – 10/5/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL ASAS
22	BPSP	Kursus Rekabentuk Skim Pengairan	9/4/2018 – 12/4/2018 IPMI TIMUR, KOTA BHARU	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL ASAS
23	BPME	Kursus Pemantauan & Rekabentuk Luahan Dan Infrastruktur Hidromekanikal	2/4/2018 – 5/4/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 41 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL PERTENGAHAN
24	BPME	Kursus Kefahaman Rekabentuk dan Penyeliaan Pemasangan Pam	5/3/2018 – 8/3/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL ASAS
25	BPME	Standard Testing & Commissioning Procedures Sistem Pam Serta Quality Assurance	3/7/2018 – 5/7/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL ASAS
26	BPME	Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Pintu Air dan Alat Angkat	13/3/2018 – 15/3/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 1 - 16 (SOKONGAN II)/ (30 Orang)	TEKNIKAL ASAS
27	BPME	Prosedur, Pemeriksaan & Ujian Kerja-Kerja Welding Untuk Pepasangan Mekanikal	16/4/2018 – 19/4/2018 IPMI UTARA, IPOH	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL ASAS
28	BPMI	Kursus Asas Keselamatan Dalam Air	7/8/2018 – 9/8/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	TERBUKA/ (30 Orang)	GENERIK ASAS
29	BSMA	Kursus Pemahaman dan Penggunaan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA)	27/3/2018 – 29/3/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL GENERIK ASAS
30	BPSAH	Kursus Hidrologi	16/7/2018 – 19/7/2018 IPMI TENGAH, KL	RM5,000.00	BELANJA MENGURUS	GRED 29 KE ATAS/ (30 Orang)	TEKNIKAL ASAS
JUMLAH				RM150,000.00			

Struktur Latihan:

P - Pra-Penempatan
A - Asas
T - Pertengahan
L - Lanjutan
R - Peralihan



**LAPORAN
PELAN OPERASI LATIHAN (POL)
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
MALAYSIA**

**BAGI
TAHUN 2018**

**LAMPIRAN I - RUMUSAN KURSUS
BERJADUAL 2018**

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN (BPMI)
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**

JANUARI 2018

RUMUSAN KURSUS BERJADUAL 2018
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Bil	Bahagian	Nama Kursus	KUMPULAN SASARAN	TEMPAT	KOD KURSUS	JENIS KOMPETENSI	TEMPOH MASA	CADANGAN TARIKH
1	BPSP	Kursus Pengurusan Sistem Pengairan	GRED 29 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(T)/1/18	Teknikal	3 hari	20-22 Feb 2018
2	BKP/BUPPK	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan Dan Pengurusan Kewangan	GRED 29 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(F)/2/18	Fungsian	3hari	13 - 15 March 2018
3	BFG	Kursus Pengambilan balik Tanah & Perizaban	GRED 29 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(TG)/3/18	Teknikal Generik	3hari	13-15 March 2018
4	BRE	Kursus Asas Geoteknik	GRED 29 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(T)/4/18	Teknikal	4 hari	9-12 April 2018
5	BPSP	Kursus Rekabentuk Skim Pengairan	GRED 29 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(T)/5/18	Teknikal	4 Hari	9-12 April 2018
6	BPLS	Kursus Pengurusan Pembangunan Koridor Sungai	GRED 29 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(T)/6/18	Teknikal	3 Hari	17-19 April 2018
7	BRE	Kursus Keselamatan Empangan	GRED 29 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(T)/7/18	Teknikal	3 Hari	8-10 Mei 2018
8	BPMI	Kursus Asas Ukur Kejuruteraan dan Pengiraan Jadual FEE Ukur Kejuruteraan	GRED 29 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(TG)/8/18	Teknikal Generik	3 hari	8-10 Mei 2018
9	BPB/BPLS/BPSAH	Kursus Asas Perancangan Dan Rekabentuk Projek Tebatan Banjir	GRED 29 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(T)/9/18	Teknikal	3 hari	7-9 Ogos 2018
10	BPZP	Kursus Pengurusan Pembangunan Di Dalam Zon Pantai	GRED 41 KE ATAS	IPMI TIMUR	IPMI-T(T)/10/18	Teknikal	3 Hari	7-9 Ogos 2018
